

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA**  
**[ TENGGARA ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah '*current job supply*' serta bidangnya pada masa sekarang dan bagaimanakah Kerajaan mengatasi isu tersebut serta siapakah kumpulan sasarannya

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Current job supply* atau penawaran pekerjaan semasa adalah merujuk kepada penawaran pekerjaan dalam sektor-sektor yang ditetapkan seperti perkhidmatan, pembinaan, perlombongan dan kuari, pertanian, perladangan dan perkilangan/pembuatan.
2. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga suku kedua tahun 2019 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa jumlah tenaga buruh mewakili penawaran dalam tempoh berkenaan adalah 15.6 juta orang.
3. Jumlah penduduk bekerja (mewakili permintaan) bagi suku kedua tahun 2019 pula adalah seramai 15.08 juta orang . Jumlah

## SOALAN NO : 16

penganggur pada suku ke dua tahun 2019 pula adalah dianggarkan seramai 520.6 ribu orang atau 3.3%.

4. Tawaran jawatan mengikut bidang / sektor bagi suku kedua tahun 2019 adalah seperti berikut: \_

- i. Bagi Sektor Pertanian - 505,000 peluang pekerjaan ditawarkan di mana pengisian bagi sektor ini adalah sebanyak 475,000;
- ii. Bagi Sektor Perlombongan dan Pengkuarian – 84,000 peluang pekerjaan disediakan di mana pengisian adalah sebanyak 84,000
- iii. Sektor pembuatan menawarkan kira-kira 2,270,000 kekosongan di mana pengisian sektor tersebut adalah sebanyak 2,148,000;
- iv. Sektor pembinaan pula menawarkan kekosongan sebanyak 1,310,000 di mana pengisian bagi sektor pembinaan adalah 1,288,000;
- v. Sektor perkhidmatan yang merupakan sektor terbesar menawarkan kekosongan jawatan sebanyak 4,451,000 bagi tempoh dimaksudkan manakala pengisian adalah sebanyak 4,407,000.

5. Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh (ILMIA) dan Talent Corp telah menerbitkan "*Critical Occupation List*" iaitu dokumen yang menyenaraikan 59 jenis profesion berkemahiran tinggi yang memerlukan pengisian segera/kritikal tetapi tidak mampu diimbangi oleh tawaran pasaran tenaga buruh tempatan semasa. Akibatnya negara masih bergantung kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi dari luar negara untuk

## SOALAN NO : 16

menerajui dan mengisi kekosongan jawatan berkemahiran tinggi tersebut.

6. Senarai perjawatan kritikal tersebut dapat dijadikan panduan kepada pencari kerja tempatan untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran yang bersesuaian dengan perjawatan kritikal yang ditawarkan. Ia juga boleh dijadikan asas kepada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta para pembuat dasar untuk menyediakan program dan kursus yang relevan yang menjurus kepada keperluan jawatan kritikal berkenaan.

7. Ia turut menyenaraikan beberapa industri yang memerlukan pengisian segera pekerja berkemahiran tinggi seperti Elektrik dan Elektronik, Perkhidmatan Perniagaan Global (ICT & GBS), Telekomunikasi dan Multimedia serta Aeroangkasa.

8. Statistik Forum Ekonomi Dunia : Rumusan Modal Insan ASEAN (*Human Capital Outlook ASEAN*) mendapati jumlah keseluruhan pekerja tempatan berkemahiran tinggi hanya 25% berbanding pekerja tempatan berkemahiran sederhana sebanyak 62%.